



Muhamad  
Razak  
Idris

muhdrzak@abim.org.my

**K**EMERDEKAAN ialah sebuah anugerah terbesar daripada Tuhan kepada manusia. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus insaf dan bersyukur dengan anugerah kemerdekaan ini. Dengan takdir Tuhan, negara kita telah memperoleh kemerdekaan sejak 53 tahun lalu.

Kita harus mensyukuri sepenuhnya kurniaan ini kerana di dalam sejarah kehidupan hari ini, masih kedapatan banyak lagi kelompok manusia sedang bertarung memperoleh anugerah kemerdekaan.

Memandangkan negara kita sudah memperoleh anugerah kemerdekaan, maka seharusnya kita mengambil peluang dan kesempatan untuk menikmati nikmat ini. Permasalahan penting di dalam hal ini ialah, bagaimanakah caranya un-

# Anugerah kemerdekaan perlu dihayati, dihargai

Berita Harian 31 AUG 2010 MS 27

tuk menikmati anugerah kemerdekaan ini?

Bagi saya, cara terbaik menikmati anugerah kemerdekaan ialah dengan mengamalkannya. Ada beberapa cara untuk kita mengamalkan kemerdekaan. Cara pertama ialah dengan meningkatkan daya usaha bagi memajukan diri. Anugerah kemerdekaan memberi peluang luas kepada kita sebagai rakyat untuk mengambil peluang meningkatkan kemajuan di dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam hal ini, aspek paling utama tentu sekali di bidang ilmu dan pendidikan.

Kita harus menggunakan ruang kemerdekaan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan di dalam pelbagai bidang menerusi pendidikan secara formal atau tidak formal. Peluang meningkatkan kesedaran dan keterampilan diri di pelbagai bidang ilmu adalah satu peluang keemasan yang tidak mungkin diperoleh bagi rakyat yang berada di

negara terjajah.

Cara kedua dengan berusaha meningkatkan rasa bangga terhadap jati diri, sejarah dan warisan negara kita. Kemerdekaan ialah satu peluang untuk kita menunjukkan jati diri kita sebagai satu kelompok masyarakat yang unik dan tersendiri di pentas ketamadunan dunia yang rencam. Jati diri umat Melayu dan kaum serta etnik yang pelbagai tergabung sebagai satu keluarga besar berteraskan peradaban timur dan peranan Islam sebagai agama teras harus diketengahkan secara meluas dan berterusan kepada masyarakat dunia.

Penonjolan peradaban ini boleh kita jelmakan menerusi tulisan, ucapan dan perwatakan peribadi kita apabila saling berhubung antara satu dengan lain di dalam atau luar negara.

Cara ketiga menerusi usaha memanfaatkan ruang kebebasan yang dimiliki bagi membina ketahanan

negara mendepani cabaran hari kini dan masa depan. Seperti yang kita sedia tahu, cabaran yang sedang dihadapi negara kita amat pelbagai terutama di era baru yang dikenal sebagai globalisasi dan masyarakat terbuka. Bagi mendepani cabaran ini, negara kita harus membina daya tahan yang utuh dari pelbagai aspek terutama dalam bidang persaingan ekonomi dan sistem sosial dan politik.

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita harus mengambil kesempatan dari ruang kemerdekaan ini dengan menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi negara menerusi meningkatkan produktiviti kerja serta membangunkan inovasi dan kreativiti di dalam perusahaan yang diceburi. Seluruh rakyat harus saling berkongsi sumber bagi memastikan pembangunan dan pengagihan ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh rakyat jelata.

Keupayaan ketahanan negara

banyak bergantung juga kepada kesejahteraan sosial. Semangat persahabatan sesama rakyat harus ditingkatkan secara berterusan. Ruang kemerdekaan harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga masyarakat bagi tujuan membangunkan kesatuan negara. Ini boleh dijayakan dengan kita memperluaskan dan mengamalkan budaya berdialog sesama warga. Pendekatan dialog adalah saluran paling berkesan bagi meleeraikan perseteruan dan salah faham antara individu atau kumpulan masyarakat.

Bagi tujuan ini, kita harus mengelakkan diri dari terjebak dengan perbuatan yang boleh menimbulkan salah faham atau meningkatkan sikap bersangka buruk antara satu dengan lain. Selamat Menyambut Hari Merdeka.

Penulis ialah Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)